



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (3)

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN JETI DAN PELEPASAN BENIH IKAN KAMPUNG SUNGAI RANGGAS

BATANG PADANG, 11 April 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia hari ini telah menganjurkan Majlis Penyerahan Jeti Nelayan Darat dan Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum di Kampung Sungai Ranggass, Tapah Road, Perak. Majlis yang julung kali diadakan ini bertujuan memperkukuh kemudahan infrastruktur perikanan serta menyokong usaha pemuliharaan sumber perikanan darat secara mampan.

Majlis disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad**, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan turut dihadiri oleh **YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun**, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak serta **YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain**, Ketua Pengarah Perikanan.

Jeti baharu yang dibina di tebing Sungai Batang Padang ini merupakan salah satu projek pembangunan strategik hasil kerjasama erat antara Jabatan Perikanan Negeri Perak, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ia bertujuan untuk menyediakan kemudahan pendaratan hasil tangkapan yang lebih selamat, efisien dan lestari kepada komuniti nelayan darat setempat.

“Pembinaan jeti ini memberi impak besar terhadap kesejahteraan komuniti nelayan darat. Ia bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi dan keselamatan hasil tangkapan, malah dapat mengurangkan kerugian selepas tuai (post-harvest losses). Ini membuktikan komitmen Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam memajukan sektor perikanan darat,” ujar Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Haji Adnan Hussain.

Majlis turut menyaksikan pelepasan sebanyak 85,000 ekor benih ikan asli ke perairan Sungai Batang Padang sebagai sebahagian daripada inisiatif pemuliharaan sumber perikanan air tawar di negeri ini. Benih yang dilepaskan terdiri daripada 70,000 ekor udang galah dan 15,000 ekor ikan baung, dengan nilai keseluruhan berjumlah RM15,000.

Pelepasan ini bukan sahaja bertujuan memperkayakan stok sumber perikanan tempatan, malah berpotensi menyumbang secara langsung kepada peningkatan hasil pendaratan perikanan darat serta pendapatan komuniti nelayan di kawasan terlibat.

Secara keseluruhan, sebanyak **2.69 juta ekor benih ikan** telah dilepaskan di sungai-sungai utama negeri Perak sepanjang tahun lalu dengan peruntukan melebihi **RM668,000**, sebagai usaha pemulihan sumber perikanan yang semakin terancam.

Dalam majlis sama, turut diadakan penyerahan **Watikah Pelantikan kepada 12 Pengerusi Komuniti bagi Projek Perikanan Bandar Negeri Perak**. Komuniti ini bakal menggerakkan aktiviti akuakultur berkelompok di kawasan lombong tinggal bagi memperkasa ekonomi luar bandar dan kumpulan B40. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Jabatan dalam memperluas potensi akuakultur bandar dan mewujudkan peluang ekonomi baharu kepada masyarakat setempat.

Senarai komuniti yang menerima watikah adalah seperti berikut:

1. Projek Perikanan Bandar Kampung Changkat Bendera (Lombong A)
2. Projek Perikanan Bandar Kampung Changkat Bendera (Lombong B)
3. Projek Perikanan Bandar Kampung Changkat Tin
4. Projek Perikanan Bandar Kota Bharu
5. Projek Perikanan Bandar Redang Sawa
6. Projek Perikanan Bandar RPA Malim Nawar
7. Projek Perikanan Bandar Air Itam Labu
8. Projek Perikanan Bandar Bakap 4
9. Projek Perikanan Bandar Kampung Changkat Legong (Lombong A)
10. Projek Perikanan Bandar Kampung Changkat Legong (Lombong B)
11. Projek Perikanan Bandar PPRT Changkat Tin
12. Projek Perikanan Bandar Taman Aman

Pada tahun 2023, negeri Perak mencatatkan **hasil pendaratan ikan darat sebanyak 3,290.19 tan metrik bernilai lebih RM50 juta**, menjadikannya antara penyumbang utama kepada hasil perikanan darat negara. Seramai 1,697 nelayan darat berdaftar dikenal pasti aktif di negeri ini. Bagi tahun 2024, sebanyak **RM1.51 juta** telah disalurkan kepada **509 penerima** melalui **Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND)**, dengan bayaran bulanan sebanyak RM250.

Penganjuran majlis ini menunjukkan kerjasama erat antara pelbagai jabatan teknikal, agensi keselamatan dan komuniti nelayan setempat. Ia membuktikan bahawa pendekatan bersepadu amat penting dalam membangunkan sektor perikanan darat secara menyeluruh. Jabatan Perikanan Malaysia yakin bahawa usaha seperti membaiki kemudahan, membantu nelayan, dan menjaga sumber semula jadi akan terus menyumbang kepada kelestarian perikanan dan manfaat jangka panjang untuk rakyat.

Pautan gambar:

https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1KT28IBQrs1_0Cr7EBwahcfHhXYfFLp3A

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my